

PENGUNAAN VIDEO PARODI DALAM TUNTUTAN FITNAH (The Use of Parody Videos in Defamation Claims)

Nik Amalin A'yuni Mohd Fauzi¹
a194514@siswa.ukm.edu.my

Kamal Halili Hassan²
k.halili@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor, Malaysia.^{1&2}

Pengarang koresponden (Corresponding author):²

Rujukan makalah ini (To cite this article): Nik Amalin A'yuni Mohd Fauzi, & Kamal Halili Hassan. (2026). Penggunaan video parodi dalam tuntutan fitnah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 38(1), 1–28. [https://doi.org/10.37052/kanun.38\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/kanun.38(1)no1)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: <i>Received:</i>	7/10/2025	Semakan: <i>Revised</i>	9/12/2025	Terima: <i>Accepted:</i>	12/1/2026	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	30/1/2026
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Pada era digital ini, penyebaran maklumat menerusi media sosial berlaku dengan pantas dan di luar kawalan. Satu daripada fenomena yang menimbulkan kebimbangan ialah penyebaran fitnah dalam bentuk video parodi. Walaupun sering dianggap sebagai hiburan, kandungan sedemikian berpotensi untuk menyebabkan implikasi serius terhadap reputasi dan kedudukan seseorang individu. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis tahap penggunaan video parodi yang mengandungi unsur fitnah dapat dijadikan asas bagi tindakan saman fitnah di bawah kerangka perundangan Malaysia. Pendekatan kajian ini melibatkan analisis kandungan dan doktrinal yang memberikan penekanan terhadap analisis dokumen perundangan, termasuklah Akta Fitnah 1957, Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, serta kes yang berkaitan yang telah diputuskan oleh mahkamah. Selain itu, pengkaji

turut meneliti perbandingan perundangan fitnah di beberapa negara terpilih, khususnya Malaysia, Indonesia dan United Kingdom. Hasil kajian dapat memperincikan skop liabiliti undang-undang terhadap kandungan parodi berunsur fitnah, di samping menilai keberkesanan pembelaan yang lazimnya dikemukakan, seperti justifikasi dan ulasan yang adil. Menerusi kajian ini, pengkaji mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap rangka perundangan sedia ada agar lebih seiring dengan keperluan dan cabaran fitnah digital dalam media sosial.

Kata kunci: Video fitnah, parodi, media sosial, tuntutan fitnah, kebebasan bersuara, tort fitnah

Abstract

In the digital era, the dissemination of information through social media occurs rapidly and is often beyond control. One phenomenon that raises concern is the spread of defamation in the form of parody videos. Although such content is often regarded as entertainment, it has the potential to cause serious implications for an individual's reputation and social standing. This study is conducted to analyse the extent to which the use of parody videos containing defamatory elements may serve as a basis for defamation claims under the Malaysian legal framework. The study adopts a content analysis and doctrinal approach, with emphasis on the examination of legal documents, including the Defamation Act 1957, the Penal Code, the Communications and Multimedia Act 1998, as well as relevant court decisions. In addition, the study examines comparative defamation laws in several selected jurisdictions, namely Malaysia, Indonesia, and the United Kingdom. The findings of this study serve to clarify the scope of legal liability in relation to defamatory parody content, while also assessing the effectiveness of commonly invoked defences, such as justification and fair comment. Through this study, the researcher proposes improvements to the existing legal framework to ensure greater alignment with the needs and challenges posed by digital defamation in the context of social media.

Keywords: Defamatory videos, parody, social media, defamation claims, freedom of expression, tort of defamation

PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi merevolusikan cara manusia berinteraksi dan menyebarkan pandangan (Akdeniz et al., 2000). Di Malaysia, media sosial, seperti TikTok, Instagram, Facebook dan X (Twitter), bukan sekadar medium komunikasi, tetapi juga platform

utama penyebaran maklumat dan hiburan (Azian Muhamad Rani & Norliza Saiful Bahry, 2020). Namun begitu, kemudahan ini turut membuka ruang terhadap penyalahgunaan, termasuklah penerbitan kandungan berunsur fitnah yang dapat memberikan kesan terhadap kesihatan mental individu (Naslund et al., 2020; Roodra, 2023). Satu daripada bentuk yang makin menonjol ialah video parodi kandungan kreatif yang berbentuk sindiran atau gurauan yang kadangkala dapat menjejaskan nama baik seseorang (Luypaers, 2024).

Parodi bermaksud suatu karya yang dilakukan untuk meniru, menyindir atau mengejek karya atau gaya orang lain, tetapi dengan tujuan untuk menghiburkan atau memberikan kesan lucu (Borger et al., 2004; Eka Nugraha Putra 2022; El Hana & Sabri, 2012). Contohnya, seseorang meniru gaya lagu, cara bercakap atau cerita yang terkenal, tetapi dengan penambahan unsur lucu, sindiran atau pengubahsuaian yang menyebabkan orang lain ketawa atau berfikir tentang makna tersiratnya. Parodi biasanya digunakan untuk mengingatkan atau mengkritik sesuatu dengan cara yang menarik dan tidak terlalu serius. Oleh itu, timbul persoalan, sama ada video parodi dapat menyebabkan kesalahan fitnah atau tidak.

Dalam undang-undang tort, fitnah terbahagi kepada dua bentuk, iaitu libel (fitnah bertulis atau kekal) dan slander (fitnah lisan atau sementara) (Perian, 2025; Salleh Buang, 2020). Mahkamah, dalam kes *Wong Yoke Kong & Ors lwn. Azmi M Anshar & Ors* (2003) menegaskan bahawa sesuatu kenyataan dianggap fitnah apabila merosakkan reputasi plaintif, ditujukan kepadanya dan diterbitkan kepada pihak ketiga.

Menerusi capaian internet yang meluas, video parodi sering memenuhi ketiga-tiga elemen tersebut. Kandungan yang dimuat naik bukan sahaja cepat tular, tetapi juga kekal dalam talian melalui jejak digital yang menyebabkannya sukar dipadam dan berpotensi untuk memberikan kesan reputasi jangka panjang (Meghini, 2024; Sarmiento, 2020).

Isu ini dapat dilihat melalui kes yang melibatkan pelakon tempatan, Elly Suriati dan pengengaruh media sosial, Imran Bard, apabila satu video parodi menyatakan nama pelakon tersebut dengan istilah yang berkaitan dengan dadah yang mencetuskan kecaman awam dan menjejaskan imejnya (Tahir Hamzah, 2025). Kejadian ini menimbulkan persoalan, sama ada video parodi ini dapat dijadikan asas bagi tindakan saman fitnah atau tidak. Walaupun pencipta kandungan sering mempertahankan karyanya atas dasar kebebasan bersuara atau sekadar hiburan, tidak semua parodi bebas daripada implikasi undang-undang, khususnya apabila melibatkan maruah dan reputasi seseorang.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti aplikasi undang-undang fitnah dalam konteks video parodi di Malaysia. Secara khusus, pengkaji menganalisis elemen yang perlu dibuktikan untuk

mewujudkan liabiliti undang-undang terhadap pencipta kandungan dan menilai, sama ada pembelaan, seperti komen yang adil, justifikasi dan keistimewaan, dapat digunakan atau tidak. Pengkaji turut membandingkan pendekatan Malaysia dengan negara lain, seperti Indonesia dan United Kingdom, bagi mengenal pasti persamaan, perbezaan dan ruang reformasi (Khairun-Nisaa Asari & Nazli Ismail, 2015).

Akhirnya, hasil kajian ini dijangka dapat memberikan panduan yang lebih jelas kepada penggubal undang-undang, pencipta kandungan dan masyarakat umum mengenai batasan dan tanggungjawab dalam penghasilan dan penyebaran kandungan parodi secara beretika supaya selaras dengan undang-undang. Oleh itu, kajian ini diharap dapat mengisi jurang literatur dan menyumbang maklumat terhadap analisis akademik mengenai cabaran fitnah digital pada era komunikasi moden.

KAJIAN LEPAS

Isu fitnah dalam media sosial mendapat perhatian yang meluas dalam kajian undang-undang dan komunikasi, namun dimensi parodi masih kurang diberikan tumpuan yang khusus. Secara umum, literatur yang berkaitan dengan perkara ini dapat dibahagikan kepada tiga tema utama, iaitu (i) fitnah digital dan media sosial, (ii) parodi dan satira, dan (iii) antara kebebasan bersuara dengan fitnah.

Fitnah Digital dan Media Sosial

Prayitno dan Bawono (2023) dalam kajian perbandingan mengenai jenayah fitnah melalui media di Malaysia, Indonesia dan Korea Selatan menegaskan bahawa penyalahgunaan media sosial dapat dikategorikan sebagai fitnah jenayah yang menjejaskan maruah seseorang, mengancam ketenteraman awam dan mengganggu keselamatan. Pengkaji ini memberikan gambaran tentang skop jenayah fitnah rentas negara, namun masih bersifat umum dan tidak meneliti dimensi parodi.

Batza (2016) pula mengetengahkan kesan serius fitnah media sosial terhadap seseorang, termasuklah kehilangan pekerjaan, tekanan emosi dan kerosakan reputasi. Pengkaji ini menekankan bahawa cara simbol, tanda pagar dan algoritma media sosial, seperti “fyp”, mempercepat penyebaran fitnah. Walaupun penting bagi memahami implikasi sosial, kajian ini secara langsung tidak menyoroti isu parodi.

Ainun Najib et al. (2024) mengupas cabaran kebebasan bersuara dalam media sosial bagi konteks Malaysia dan Indonesia. Pengkaji ini menekankan keperluan mekanisme kawal selia yang telus, termasuklah peranan mahkamah atau badan bebas bagi mengawasi sekatan kandungan.

Walaupun menyentuh peranan undang-undang untuk pengawalan penyalahgunaan kebebasan bersuara, fokusnya masih umum tanpa mengaitkan parodi secara langsung.

Dalam konteks Malaysia, Imaduddin Suhaimi (2021) menunjukkan bahawa peningkatan kes saman fitnah seiring dengan perkembangan teknologi. Pengkaji ini menekankan bahawa fitnah dalam talian sukar ditangani kerana kepantasan penyebaran dan penyamaran identiti. Pengkaji ini turut merujuk Skim Timbang Tara Media yang dicadangkan menerusi Leveson Report (2012) di United Kingdom, termasuklah skim IMPRESS dan IPSO, namun tidak meneliti keperluan reformasi undang-undang fitnah media sosial di Malaysia secara menyeluruh.

Ahmad Masum dan Md Rejab Md Desa (2014) pula memberikan tumpuan khusus terhadap pengalaman Malaysia terhadap fitnah digital, khususnya melalui penggunaan Akta Fitnah 1957 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Walaupun menekankan instrumen undang-undang sedia ada, kajian ini tidak mengupas isu parodi sebagai bentuk komunikasi digital.

Parodi dan Satira

Menghini (2024) menekankan bahawa parodi merupakan sebahagian daripada hak kebebasan bersuara yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Kes, seperti *Elton John lwn. Guardian News & Media Ltd* (2008), dan *McAlpine lwn. Bercow* (2013) mengisahkan satira dalam parodi dalam konteks undang-undang fitnah di United Kindom, serta kaitannya dengan prinsip kebebasan bersuara. Pengkaji ini meneliti hubungan antara parodi, kebebasan bersuara dan undang-undang hak cipta. Walau bagaimanapun, fokusnya terletak pada hak cipta, bukan implikasi undang-undang fitnah, sekali gus menunjukkan bahawa adanya jurang dalam wacana akademik.

Todd (2016) dan King (2008) pula memberikan sumbangan penting dalam penelitian peranan satira dan parodi dalam undang-undang fitnah. Todd (2016) menegaskan bahawa video parodi sering berfungsi sebagai satira, tetapi garis pemisah antara kedua-duanya sukar ditentukan. King (2008) pula berhujah bahawa mahkamah kerap menggunakan pendekatan sempit (monolitik dan satu dimensi) dalam penilaian karya parodi, iaitu menganggap parodi bukan fitnah secara automatik. Pengkaji ini mencadangkan analisis dua peringkat. Pertama, penentuan, sama ada karya merupakan parodi atau tidak. Kedua, penilaian, sama ada parodi tersebut secara tersirat menyampaikan fakta yang berunsur fitnah atau tidak.

Selain itu, Kenyon (1996) membincangkan doktrin “ulasan yang adil” (fair comment) sebagai mekanisme pembelaan dalam kes fitnah. Perbahasan ini penting kerana menunjukkan cara ulasan yang adil dapat melindungi ekspresi tertentu, termasuklah karya kreatif, seperti parodi, bergantung pada niat dan kejujuran pihak yang mengeluarkan kenyataan. Dalam konteks antarabangsa, Lux (2021) meneliti isu parodi dalam media sosial, khususnya Twitter, dan mengaitkannya dengan prinsip Deklarasi Hak Asasi dalam Perlembagaan (First Amendment) di Amerika Syarikat. Lux berhujah bahawa mahkamah perlu menilai parodi secara menyeluruh, bukan bahagian tertentu sahaja bagi menentukan, sama ada kandungannya berbentuk satira atau fitnah yang sebenar.

Antara Kebebasan Bersuara dengan Fitnah

Kajian akademik mengenai kebebasan bersuara dan fitnah menumpukan persoalan cara undang-undang harus menyeimbangkan hak individu untuk meluahkan pendapat dengan hak orang lain untuk melindungi reputasi. Kajian oleh sarjana, seperti Barendt (2009) dan Feldman (2002), menunjukkan bahawa dalam tradisi common law, kebebasan bersuara tidak pernah dianggap mutlak. Barendt (2009) menegaskan bahawa undang-undang fitnah berkembang sebagai mekanisme untuk melindungi reputasi dan mencegah konflik sosial. Dalam rangka ini, mahkamah secara sejarah cenderung untuk memihak kepada perlindungan reputasi, terutamanya dalam kalangan masyarakat yang menghargai keharmonian sosial.

Weir (2006) pula mendapati bahawa sebelum pembaharuan undang-undang fitnah di United Kingdom pada tahun 2013, undang-undang fitnah sering menghalang wacana awam kerana beban bukti yang berat terhadap defendan. Sementara itu, Reynolds (1999) dan Barendt (2007) menegaskan bahawa media harus diberi perlindungan lebih tinggi apabila melaporkan isu kepentingan awam. Konsep tanggungjawab kewartawanan muncul sebagai ujian baharu untuk mengimbangi antara hak bersuara dengan reputasi.

Jurang Penyelidikan

Daripada sorotan kajian lepas ini, wujud jurang penyelidikan yang dapat dikenal pasti. Literatur mengenai fitnah digital menekankan kesan sosial dan keperluan reformasi, tetapi tidak membincangkan parodi sebagai kategori khusus yang menimbulkan cabaran undang-undang tersendiri. Kajian tentang parodi dan satira wujud, tetapi kebanyakannya dalam

konteks antarabangsa atau memfokuskan isu kebebasan bersuara dan hak cipta, bukannya undang-undang fitnah di Malaysia.

Pembelaan undang-undang, seperti satira, ulasan adil dan kebebasan bersuara, dibincangkan, tetapi hubungannya dengan video parodi dalam konteks fitnah masih kabur. Tiada kajian komprehensif di Malaysia yang menilai kedudukan video parodi sebagai asas terhadap saman fitnah, serta keupayaan pembelaan yang ada dapat menampung cabaran baharu pada era digital. Oleh itu, kajian ini mengisi kekosongan tersebut dengan menganalisis kedudukan video parodi yang berunsur fitnah dalam undang-undang Malaysia, sambil meneliti pembelaan yang relevan dan perbandingan dengan bidang kuasa lain seperti yang berlaku di Indonesia dan United Kingdom.

Kes yang diputuskan oleh mahkamah Malaysia berhubung dengan video parodi juga tidak banyak. Penulisan ini mengupas isu ini dengan merujuk mahkamah dan penulisan luar negara. Oleh itu, masih terdapat ruang perbincangan berhubung dengan fitnah parodi kerana tidak banyak ditulis secara akademik di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan penekanan menerusi pendekatan doktrinal, iaitu mengupas isu perundangan berdasarkan data sekunder yang berautoriti (Ozsungur, 2024). Rujukan utama ialah dokumen perundangan yang dikategorikan sebagai sumber primer. Antaranya termasuklah Akta Fitnah 1957, Kanun Keseksaan, khususnya Seksyen 499 dan Seksyen 500, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Di samping itu, kajian ini turut meneliti preseden yang mengikat daripada kes terdahulu yang diputuskan oleh mahkamah di Malaysia, khususnya yang melibatkan isu fitnah. Bagi tujuan tersebut, pangkalan data perundangan, seperti *Current Law Journal* dan *LexisAdvance*, digunakan bagi memperoleh keputusan mahkamah yang relevan.

Selain sumber primer, kajian ini juga memanfaatkan sumber sekunder melalui penelaahan artikel akademik yang berkaitan dengan isu fitnah, khususnya dalam bentuk parodi. Artikel tersebut diperoleh daripada pangkalan data dalam talian, seperti ResearchGate, Google Scholar dan HeinOnline. Seterusnya, bagi melengkapkan analisis, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dan deskriptif untuk meneliti dan mentafsirkan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan fitnah

dalam konteks media sosial dan parodi. Analisis ini turut diperluas melalui perbandingan undang-undang (Bhatt, 2015; Khairun-Nisaa Arisa & Nazli Ismail, 2015) dengan meninjau pendekatan Malaysia bagi menangani isu fitnah berbanding dengan negara lain, iaitu Indonesia dan United Kingdom.

Kerangka Pendekatan

Pengkaji menggunakan pendekatan perundangan dan komunikasi sebagai asas analisis terhadap persoalan, sama ada video parodi dapat dijadikan asas tuntutan fitnah dalam konteks undang-undang Malaysia atau tidak. Tiga kerangka pendekatan utama diketengahkan, iaitu (i) pendekatan undang-undang hak cipta dan kebebasan bersuara, (ii) pendekatan bahasa sindiran dalam media, dan (iii) pendekatan undang-undang fitnah.

Pendekatan Hak Cipta dan Kebebasan Bersuara

Isu video parodi sering berkait rapat dengan persoalan hak cipta (Nindhi Sinha & Priyank Jagawanshi, 2020; Ujhelyi, 2022) dan kebebasan bersuara. Levinson (2017) berhujah bahawa konsep penggunaan wajar perlu ditafsir semula supaya lebih selari dengan norma budaya media sosial, termasuklah penggunaan parodi sebagai bentuk komentar sosial yang bersifat transformasi. Perspektif ini memberikan asas bahawa parodi, penggunaan unsur karya asal atau asli, pemberian hak cipta kepada penciptanya dapat dilihat sebagai karya baharu yang wajar dilindungi atas dasar kebebasan bersuara. Oleh itu, apabila karya tersebut memperoleh hak cipta, implikasi karya tersebut bebas digunakan, tetapi implikasi ciptaannya perlu ditanggung oleh pengarangnya, termasuklah kemungkinan kesalahan fitnah.

Macmillan (2020) menyatakan bahawa hak cipta dapat difahami sebagai sebahagian daripada hak kebebasan bersuara. Perbincangan pengkaji ini menumpukan had prinsip kebebasan bersuara patut berperanan dalam undang-undang hak cipta. Pengkaji ini menilai kebebasan bersuara dalam dua keadaan. Pertama, dalam konteks umum, iaitu perbezaan antara ruang awam dengan ruang persendirian. Kedua, dalam konteks khusus apabila hak cipta mengehadkan kebebasan bersuara. Pengkaji ini juga membezakan sekatan terhadap kebebasan bersuara antara yang berkaitan dengan isu awam dengan yang lebih bersifat persendirian.

Ahmad Shamsul Abd Aziz et al. (2014) mengetengahkan isu pelanggaran hak cipta dalam media sosial, termasuklah ketegangan antara hak cipta dengan kebebasan bersuara di bawah Akta Hak Cipta 1987,

serta isu pembelaan yang berkaitan dengan tuntutan fitnah. Penulisan ini memberikan asas perbandingan untuk menilai had kenyataan dalam media sosial yang bersifat fitnah dapat dilihat sebagai melanggar undang-undang hak cipta atau sebaliknya, iaitu dilindungi sebagai ekspresi yang sah. Penulisannya relevan dengan kajian ini kerana membincangkan kesan parodi terhadap kesalahan fitnah.

Dalam konteks undang-undang Malaysia, kebebasan bersuara sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan tetap tertakluk pada sekatan demi menjaga ketenteraman awam dan maruah individu (Khairul Anuar Abdul Aadi et al., 2021). Oleh itu, walaupun bersifat ulasan, kandungan parodi mestilah tidak melangkaui batas sehingga menyentuh perkara yang dapat dianggap sebagai serangan peribadi atau tuduhan serius yang tidak berasas. Walaupun kebebasan bersuara dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, kebebasan masyarakat masih tertakluk pada perundangan lain, seperti Akta Fitnah dan tort fitnah. Teori keseimbangan ini masih relevan bagi mencapai keharmonian rakyat, iaitu antara kebebasan bersuara dengan hak individu untuk menjaga maruah dirinya (Scardino, 2002).

Pendekatan Parodi atau Bahasa Sindiran

Pendekatan sindiran ini dapat dikaitkan dengan pandangan sarjana komunikasi barat lain yang meneliti fungsi humor dan satira dalam wacana sosial, misalnya Hutcheon (2000) yang menetapkan bahawa parodi ialah strategi intertekstual yang bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai bentuk kritikan budaya. Bahan ini ialah teks berguna yang menjelaskan maksud dan perkembangan parodi dalam prakemodenan dan pascakemodenan.

Todd (2016) pula membincangkan cabaran bagi memahami satira dalam konteks undang-undang fitnah, termasuklah definisi satira, perbezaannya dengan parodi dan humor, serta cara mahkamah mengendalikan kes yang melibatkan satira dalam tuntutan fitnah. Kajian ini juga relevan dengan penulisan ini.

Pembaca atau penonton perlu memahami makna tersirat di balik perbuatan satira untuk membuktikan bahawa mesej itu memang ditujukan kepada individu tertentu. Dengan erti kata lain, satira harus cukup jelas sehingga orang ramai dapat menangkap persamaan antara gambaran dalam parodi dengan sikap atau keadaan sebenar individu yang ditujukan. Namun begitu, kajian ini mendapati bahawa satira yang dilakukan secara kolektif

terhadap sekumpulan manusia yang tidak dikenal pasti secara khusus tidak boleh dijadikan asas dalam tuntutan fitnah (kes *Wong Yoke Kong*, 2003). Hal ini dikatakan demikian kerana dalam konteks undang-undang fitnah, kenyataan yang didakwa memfitnah mesti dirujuk secara langsung kepada plaintif tertentu (*David Syme lwn. Canavan*, 1918).

Pendekatan Undang-undang Fitnah dalam Parodi

Pendekatan undang-undang fitnah di Malaysia membolehkan mahkamah menilai tuntutan fitnah dalam konteks parodi dengan mengambil kira bentuk, niat dan pemahaman masyarakat (Ainun Najib et al., 2024). Parodi tidak secara automatik dikecualikan daripada undang-undang fitnah dan masih tertakluk pada elemen dan pembelaan yang diiktiraf oleh undang-undang. Oleh itu, undang-undang fitnah sentiasa relevan dan mampu beradaptasi dengan perubahan bentuk komunikasi moden, termasuklah parodi dalam media sosial.

Walaupun doktrin fitnah bersifat lestari, mahkamah Malaysia mengadaptasikan prinsip ini pada medium moden, seperti media sosial dan internet (Nazli Ismail, 2012). Penyiaran parodi dalam bentuk video, meme atau hantaran media sosial dianggap sebagai penerbitan kekal (libel) dan tertakluk pada undang-undang fitnah. Mahkamah akan menilai, sama ada masyarakat yang waras akan menganggap parodi tersebut sebagai kenyataan fakta atau sekadar hiburan, serta sama ada reputasi plaintif benar-benar terjejas atau tidak.

Dari sudut pendekatan undang-undang, parodi ialah suatu cabaran kerana berada di persimpangan antara kebebasan bersuara dengan perlindungan reputasi individu. Oleh itu, timbul persoalan tentang had parodi boleh dianggap sebagai fitnah atau dilindungi sebagai bentuk ucapan yang sah.

Undang-undang fitnah secara asasnya melindungi individu daripada kenyataan palsu yang merosakkan reputasinya. Terdapat dua bentuk utama fitnah, iaitu libel (bertulis atau bercetak) dan slander (lisan). Bagi membuktikan sesuatu kenyataan itu fitnah, perlu ditunjukkan bahawa kenyataan tersebut diterbitkan, palsu, disiarkan kepada pihak ketiga dan menyebabkan kerosakan reputasi (Salleh Buang, 2020). Namun begitu, dalam konteks parodi, semua elemen ini sukar ditentukan kerana parodi biasanya bersifat hiperbola, simbolik dan tidak dimaksudkan untuk difahami sebagai kenyataan fakta.

Hal ini ialah persoalan fakta dan undang-undang. Persoalan fakta ialah apa-apa yang diterbitkan itu benar-benar dilakukan oleh defendan atau

mangsa. Persoalan undang-undangnya ialah apa-apa yang diucapkan atau disindirkan itu mencukupi sebagai elemen fitnah dan merosakkan imej defendan pada pandangan masyarakat.

Dari segi undang-undang, mahkamah akan menilai, sama ada penonton yang munasabah akan menganggap parodi itu sebagai kenyataan fakta atau sekadar gurauan. Jika penonton menyedari bahawa perkara itu ialah parodi atau sekadar hiburan, kebarangkaliannya untuk dianggap sebagai fitnah adalah rendah (kes *Mohamed Azwan bin Haji Ali*, 2000)

Keseimbangan antara hak individu untuk menikmati kebebasan bersuara merupakan asas bagi menilai isu ini. Sebagai satu daripada bentuk seni dan ekspresi politik, parodi tidak boleh dihadkan secara mutlak. Walau bagaimanapun, kebebasan tersebut tidak bersifat tanpa batasan kerana parodi yang berubah menjadi serangan peribadi dengan fakta palsu yang dipercayai sebagai benar dapat menjejaskan reputasi seseorang secara serius.

Todd (2016) berpandangan bahawa satira politik tidak boleh dianggap sebagai pembohongan serius dan tidak sepatutnya diklasifikasikan sebagai fitnah. Satira politik biasanya dilakukan untuk menyatakan kelemahan atau tingkah laku tokoh awam melalui pendekatan humor, ironi atau sindiran, bukan menyampaikan kenyataan fakta palsu. Dalam konteks ini, penggunaan satira lebih bertujuan untuk menyampaikan mesej kritikal terhadap isu semasa atau pemimpin politik, bukan menjatuhkan reputasi orang tertentu secara langsung melalui pembohongan nyata. Oleh itu, selagi satira tersebut difahami sebagai ekspresi kreatif, bukan fakta literal, satira tersebut tidak boleh dijadikan asas pembelaan yang sah pada sisi undang-undang dalam kes saman fitnah.

Secara keseluruhan, kerangka pendekatan ini memperlihatkan bahawa isu video parodi dalam tuntutan fitnah tidak boleh dilihat dari satu sudut sahaja. Perkara ini memerlukan analisis silang disiplin antara undang-undang hak cipta, kebebasan bersuara, pendekatan sindiran linguistik dan undang-undang fitnah. Pandangan sarjana tersebut memberikan asas ilmiah untuk menilai batas antara parodi sebagai bentuk hiburan dengan parodi sebagai fitnah yang menyalahi undang-undang.

Pendekatan dan pengertian fitnah yang konvensional terbahagi kepada dua bentuk utama, iaitu fitnah bertulis (libel) dan fitnah lisan (slander). Libel dianggap lebih serius kerana sifatnya yang kekal dan parodi memenuhi elemen kekal tersebut kerana dirakam dalam bentuk video. Namun demikian, mahkamah tetap menggunakan prinsip undang-undang

tort tanpa mengambil kira medium dengan melihat aspek fakta kes dan prinsip undang-undang fitnah yang lazim. Perbezaan tort fitnah ini wujud dalam evolusi undang-undang tort itu sendiri. Kini, prinsip tort tersebut perlu diadaptasi terhadap perbuatan fitnah yang dihasilkan oleh media komunikasi moden, seperti parodi yang diterbitkan dalam media sosial atau media arus perdana.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini memfokuskan isu: (i) corak fitnah sindiran dan (ii) pembelaan tuntutan fitnah dalam kes video parodi bersandarkan justifikasi dan keputusan mahkamah, serta peruntukan perundangan yang berkaitan.

Corak Fitnah Sindiran: Kes Mahkamah dan Perundangan

Pengkaji ini mengenal pasti beberapa dapatan utama yang berkaitan dengan isu penyebaran fitnah dalam bentuk video parodi dalam media sosial. Dapatan utama ialah keputusan dan ulasan kes fitnah yang diputuskan oleh mahkamah di Malaysia.

Di Malaysia, sebanyak dua kes (*Wong Yoke Kong*, dan *Mohamed Azwan Ali*) yang mempunyai ciri parodi yang diputuskan oleh mahkamah di Malaysia, dan satu kes (*Elie Suriaty*) yang tidak diputuskan oleh mahkamah, tetapi diterbitkan dalam media tempatan. Fakta dalam tiga kes tersebut dirujuk secara terperinci faktanya supaya corak parodi tersebut mudah difahami. Sebanyak empat kes pembelaan (fitnah, tetapi tidak semestinya berbentuk parodi) juga dirujuk bagi tujuan “pembelaan” kes di bawah tajuk kecil “pembelaan tuntutan fitnah dalam kes video parodi”.

Kes berikut ini ialah suatu analogi yang berbentuk fitnah yang dapat dikaitkan dengan fitnah secara parodi. Dalam kes *Wong Yoke Kong & Ors* lwn. *Azmi M Anshar & Ors* (2003), plaintif ialah sekumpulan peguam daripada firma guaman Messrs. Nazri Aziz dan Wong memfailkan tuntutan fitnah terhadap defendan berhubung dengan kenyataan artikel bertajuk “*Rearview Glimpse of 1995 Politics*” yang ditulis oleh defendan pertama. Artikel tersebut diterbitkan dalam akhbar *Malay Mail* pada 1 Januari 1996. Plaintif berhujah bahawa satu ayat tertentu dalam artikel itu bersifat menghina firma guamannya kerana menyebut bekas rakan kongsi, Dato’ Seri Nazri Aziz, yang telah meninggalkan firma setelah dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pihak defendan pula berhujah bahawa plaintif mesti membuktikan bahawa pembaca biasa akan secara munasabah memahami kenyataan

tersebut yang merujuk pihaknya. Pihak defendan juga menekankan bahawa nama plaintif tidak dinyatakan secara langsung dalam artikel tersebut. Nazri juga bukan peguam pada masa itu. Oleh itu, kenyataan terhadapnya itu dalam kapasiti politik, bukan sebagai peguam firma.

Oleh itu, persoalan utama di hadapan mahkamah ialah, (1) sama ada kenyataan dalam artikel itu bersifat memfitnah atau tidak, dan (2) sama ada kenyataan tersebut memfitnah plaintif secara khusus atau tidak. Oleh itu, perlu dibuktikan bahawa parodi melampaui sentuhan perasaan sahaja. Di Malaysia, mahkamah menegaskan bahawa sekadar “sakit hati” tidak mencukupi untuk menuntut ganti rugi fitnah. Dalam kes *Mohamed Azwan Haji Ali lwn. Sistem Televisyen (M) Bhd & Ors* (2000), plaintif memfailkan tuntutan atau saman fitnah terhadap defendan sebagai penyiar, pemilik, penerbit dan pembuat kenyataan fitnah dalam program *Melodi* yang disiarkan oleh defendan pertama. Defendan keempat dalam satu segmen program tersebut mengucapkan “kau ni nak jadi macam Azwan Alilah menangis sebab Ziana Zain kahwin!” Dalam pengisytiharan yang dipinda, plaintif mendakwa bahawa kata “menangis” memberikan tanggapan terhadap orang awam bahawa plaintif mengalami “histeria” apabila Ziana Zain berkahwin. Oleh itu penggunaan kata “menangis” didakwa menyebabkan plaintif berasa malu dan terhina. Segmen dalam program *Melodi* yang disiarkan oleh syarikat televisyen berkenaan adalah seperti yang berikut:

Ogy (defendan keempat): Ni kenapa menangis?

Ah Pek: (menangis) Gua punya *giplen* (girlfriend) bukan yang ini dua orang (merujuk gambar yang dipegang) itu bini ... ini *giplen* (girlfriend) sudah kawin ini hari!

Ogy (defendan keempat): Tiga bini pun ada *girlfriend* lagika? Siapa ... siapa? Cerita?!

Ah Pek: Ini ha! (tunjuk kad)

Ogy (defendan keempat): Eh Ah Pek, biar betul! Ini Siti Ruziana binti Zain! Ehh.

Ah Pek dah kena “*speedo*” ini Ah Pek! Ini kad bohong ni Ah Pek. Dua puluh ringgit orang buat sekarang.

Ah Pek: Klon ke? Klon ke? Gua kena tipulah?

Ogy (defendan keempat): Kenapa ni menangis-nangis, Ziana Zain yang kahwin?... Kau ni pun jadi macam Azwan Alilah ... Ziana Zain kawin kau orang menangis! Kenapa aku kawin kau orang tak nangis?! (Kes Mohamed Azwan, 2000:502–503)

Hakim dalam kes Mohamed Azwan Ali memetik prinsip Hakim Cairns dalam kes *Warren lwn. Green* [1958] *DLR* 255 yang merujuk ucapan Hakim Egbert dalam *Willows lwn. Williams* [1951] 2 *WWR* (NS) 657 pada halaman 659, apabila Yang Arif menyatakan bahawa “Kata-kata yang pada zahirnya jelas bersifat memfitnah mungkin tidak dianggap demikian kerana keadaan itu diterbitkan. Sebagai contoh, kata itu mungkin diucapkan secara bergurau dan difahami sedemikian oleh sesiapa yang mendengarnya”.

Mahkamah menolak tuntutan plaintif kerana kata “menangis” yang digunakan tidak bermaksud menghina atau menjatuhkan reputasi walaupun plaintif mentafsirkan kata itu sebagai sindiran. Hakim menyatakan:

Oleh itu, pada hemat saya, memandangkan program “Melodi” itu sendiri merupakan sebuah program hiburan ringan sebagaimana yang diakui oleh saksi pihak plaintif sendiri, maka kata-kata yang didakwa berunsur fitnah seperti yang diucapkan oleh defendan ke-4, pada fikiran saya, ialah kata-kata yang diucapkan secara bergurau dan oleh itu tidak memfitnah plaintif ... Pada hemat saya, keseluruhan kenyataan tersebut bukanlah bersifat memfitnah apabila dilihat dalam makna semula jadi dan biasa. Kenyataan itu juga tidak membawa sebarang makna kedua atau *innuendo* kerana keseluruhan kenyataan tersebut tidak bersifat menghina serta bukan satu serangan terhadap moral plaintif, dan tidak menyerang plaintif dalam kapasiti profesionalnya sebagai artis (Kes Mohamed Azwan Ali, 2000:505).

Selain itu, plaintif perlu membuktikan bahawa kata itu ditujukan kepadanya walaupun namanya tidak dinyatakan secara langsung. Dalam kes *David Syme lwn. Canavan* (1918), mahkamah memutuskan bahawa identiti plaintif masih dapat dikenal pasti melalui deskripsi atau keadaan keliling. Hal ini turut dilihat dalam kes *Houlton & Co lwn. Jones* (1910) apabila peguam, Artemis Jones, berjaya dalam tuntutananya walaupun watak yang difitnah dalam fiksi tersebut hanyalah rekaan semata-mata.

Perkembangan media sosial membawa cabaran baharu. Kini, fitnah bukan sahaja berlaku dalam artikel bertulis atau laporan televisyen, tetapi juga melalui video parodi, meme dan kandungan satira di platform, seperti TikTok, Instagram dan X (Twitter). Fenomena ini menyebabkan dilema undang-undang, sama ada sesuatu video parodi yang disampaikan atas alasan “hiburan” boleh dianggap fitnah atau tidak.

Contoh kontemporari ialah isu pelakon Ellie Suriaty yang dilaporkan ingin menyaman pempengaruh, Imran Bard, berhubung dengan video parodi dalam TikTok yang didakwa menjatuhkan maruahnyanya (Reputasi

Ellie Musnah, 2025). Kes ini diambil daripada sumber sekunder, iaitu media, dan belum difailkan di mahkamah. Walaupun kandungan berbentuk parodi sering dianggap sebagai satira yang sah dalam kebebasan bersuara, parodi itu dapat menyebabkan liabiliti undang-undang jika memenuhi elemen fitnah, khususnya jika mesej yang disampaikan bermaksud bahawa seseorang itu penagih dadah atau tidak bermoral.

Isu kes yang melibatkan Ellie Suriaty berlaku apabila Imran Bard dilaporkan dengan sengaja menghasilkan kandungan dalam media sosial (TikTok) dengan menyatakan bahawa “Ellie Suriaty menggunakan bahan terlarang” menerusi hantaran yang dimuat naik pada 12 Februari 2025 (Reputasi Ellie Musnah, 2025). Imran Bard mempersendakan namanya dengan kata “kacip”. Elly menyatakan bahawa “Dia menyentuh soal kesihatan mental. Ia diperbual dalam komen sehingga saya dituduh ambil barang terlarang. Saya bukan penagih dadah” (Reputasi Ellie Musnah, 2025). Setakat ini, tiada mahkamah atau mana-mana badan berautoriti yang memutuskan bahawa kata yang diucapkan dalam video tersebut ialah fitnah pada sisi undang-undang.

Dari sudut perundangan (statut) pula, Malaysia mempunyai beberapa instrumen yang digunakan bagi menangani fitnah digital. Pertama, Akta Fitnah 1957 memberikan asas undang-undang sivil untuk tindakan libel dan slander. Seksyen 7 membenarkan penyelesaian awal sekiranya penerbit mengakui dan menarik balik kenyataan tersebut secara ikhlas. Kedua, Kanun Keseksaan (Seksyen 499 dan Seksyen 500) memperuntukkan kesalahan jenayah fitnah dengan hukuman penjara hingga dua tahun, denda atau kedua-duanya. Walaupun jarang-jarang digunakan, peruntukan ini relevan dalam kes yang melibatkan kepentingan awam. Ketiga, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Seksyen 211 dan Seksyen 233) memperuntukkan larangan terhadap penggunaan rangkaian untuk menyebarkan kandungan palsu, mengancam atau memburukkan seseorang, termasuklah melalui media sosial.

Wujud jurang perundangan kerana undang-undang Malaysia masih belum mempunyai tafsiran khusus yang berkaitan dengan parodi atau satira. Akta Fitnah 1957 misalnya, masih berasaskan konsep konvensional (artikel bertulis dan ucapan lisan) dan tidak mengambil kira sifat komunikasi moden, seperti meme berantai, palsu asli (deepfake) atau parodi adun semula (parody remix) di platform digital. Kelemahan ini menyukarkan penguatkuasaan undang-undang kerana mahkamah terpaksa bergantung pada tafsiran umum fitnah yang kadangkala tidak bersesuaian dengan konteks media sosial.

Oleh itu, teori fitnah dalam konteks Malaysia kini berhadapan dengan cabaran adaptasi. Dari satu sisi, undang-undang yang sedia ada cukup untuk melindungi mangsa fitnah digital melalui tort sivil, undang-undang jenayah dan kawal selia komunikasi. Namun begitu, dari sisi yang lain, ketiadaan garis panduan yang khusus mengenai parodi menyebabkan ketidakpastian dalam kalangan masyarakat, artis dan pengengaruh media sosial. Keadaan ini memerlukan pembaharuan undang-undang agar lebih responsif terhadap bentuk komunikasi digital dari aspek pemastian keseimbangan antara hak kebebasan bersuara dengan perlindungan reputasi individu.

Video parodi dapat dianggap sebagai bentuk satira apabila disampaikan secara berlebihan, ironik atau sindiran terhadap seseorang tokoh atau isu semasa. Seperti yang dinyatakan oleh Todd (2016), satira bukanlah kenyataan fakta literal, tetapi pendekatan kritikal yang dilakukan untuk mendedahkan kelemahan atau keburukan seseorang secara tidak langsung. Dalam konteks video parodi dalam media sosial, unsur satira sering ditonjolkan melalui lakonan, peniruan gaya pertuturan atau penggambaran berlebihan terhadap individu atau isu tertentu.

Oleh itu, apabila sesuatu video parodi dikenal pasti sebagai satira yang dilakukan untuk menyampaikan mesej secara kreatif, bukan kenyataan fakta palsu secara langsung, pembelaan satira dapat dikemukakan oleh defendan bagi kes saman fitnah. Namun begitu, seperti yang ditegaskan oleh King (2008), mahkamah perlu menilai perkara ini secara dua peringkat, iaitu sama ada kandungan itu sememangnya parodi atau tidak dan kedua, walaupun parodi, terdapat kenyataan tersirat yang dapat dianggap sebagai fakta yang memfitnah. Jika elemen ini wujud, pembelaan satira mungkin tidak digunakan sepenuhnya kerana kandungan tersebut melangkaui batas hiburan dan mengandungi mesej yang merosakkan reputasi seseorang secara nyata.

Bagi menangani isu penyebaran kandungan berbentuk parodi dalam media sosial, asas perundangan yang berkaitan dengan fitnah dalam konteks tort sivil digunakan. Dalam tort sivil, perlu difahami bahawa pihak yang berasa bahawa dirinya difitnah akan membuat tuntutan atau menyaman pihak yang memfitnah (defendan) bagi mendapatkan ganti rugi daripada mahkamah.

Fitnah dalam undang-undang Malaysia seperti dalam tradisi common law merujuk perbuatan yang mencederakan reputasi seseorang melalui kenyataan tidak benar yang dapat menyebabkan kebencian, penghinaan atau rasa hina dalam kalangan masyarakat. Perbuatan fitnah tidak semestinya disampaikan secara serius, tetapi dapat berlaku melalui

gurauan, sindiran atau parodi jika kenyataan itu dapat menjatuhkan nama baik seseorang.

Pembelaan Tuntutan Fitnah dalam kes Video Parodi

Undang-undang memperuntukkan tiga bentuk pembelaan terhadap tuntutan fitnah, iaitu justifikasi, komen yang adil dan keistimewaan. Perbincangan seterusnya melihat cara pembelaan tersebut digunakan dalam fitnah yang berbentuk parodi atau sindiran.

Justifikasi

Dalam undang-undang fitnah di Malaysia, pembelaan justifikasi bermaksud bahawa defendan dapat membuktikan bahawa kenyataan yang didakwa sebagai fitnah adalah benar atau secara substantifnya benar. Seksyen 8 Akta Fitnah 1957 memperuntukkan bahawa kebenaran ialah pembelaan mutlak. Jika defendan berjaya membuktikan kebenaran kenyataan tersebut, tuntutan fitnah akan gagal tanpa mengambil kira niat atau motif di balik kenyataan itu.

Dalam konteks fitnah berbentuk parodi, pembelaan justifikasi dapat digunakan sekiranya parodi tersebut mengandungi kenyataan fakta yang dapat diuji kebenarannya. Parodi lazimnya menggunakan unsur sindiran, hiperbola atau humor untuk menyampaikan kritikan atau pendapat. Jika parodi itu menyatakan sesuatu fakta, misalnya seseorang itu pernah disabitkan kesalahan jenayah, defendan perlu membuktikan bahawa fakta tersebut benar. Jika terbukti, walaupun penyampaiannya berbentuk parodi atau sindiran, pembelaan justifikasi tetap terpakai dan tuntutan fitnah akan ditolak.

Sebagai contoh, dalam kes *Mohamed Apandi Ali lwn. Lim Kit Siang* (2022), mahkamah tinggi menolak saman fitnah oleh bekas peguam negara terhadap Lim Kit Siang berhubung artikel yang didakwa memfitnahnya yang berkaitan dengan skandal 1MDB. Mahkamah membenarkan pembelaan justifikasi kerana defendan berjaya menunjukkan bahawa kenyataan yang dibuat berasaskan fakta dan kepentingan awam, serta tiada bukti yang menunjukkan fakta itu tidak benar.

Komen yang Adil

Komen yang adil (fair comment) ialah satu daripada pembelaan utama di bawah undang-undang fitnah di Malaysia yang membenarkan seseorang itu membuat komen atau pendapat mengenai perkara yang menjadi

kepentingan awam tanpa dikenakan liabiliti fitnah asalkan memenuhi syarat tertentu (Salleh Buang, 2020).

Untuk berjaya dalam pembelaan komen yang adil di bawah undang-undang tort fitnah, defendan perlu mematuhi elemen tertentu. Pertama, kenyataan yang dipersoalkan mestilah berbentuk komen atau pendapat, bukan kenyataan fakta walaupun boleh merangkumi inferens fakta. Kedua, komen tersebut mestilah berasaskan fakta yang benar. Ketiga, komen itu harus adil dan tidak disertakan dengan niat jahat (*malice*), iaitu komen yang boleh dilakukan oleh seseorang yang berfikir adil berdasarkan fakta yang terbukti. Keempat, komen tersebut mestilah berkaitan dengan isu atau perkara yang menjadi kepentingan umum.

Dalam parodi atau sindiran hiburan, unsur hiperbola, humor dan keterlaluan sering digunakan untuk menyampaikan kritikan atau pandangan terhadap tokoh awam, dasar kerajaan atau isu sosial. Namun begitu, walaupun bentuk penyampaian bersifat satira, komen tersebut masih perlu berasaskan fakta yang benar atau yang diketahui umum. Jika parodi itu membesar-besarkan sesuatu isu, parodi itu masih perlu berdasarkan fakta yang sah agar tidak dianggap sebagai fitnah yang tidak berasas.

Selain itu, komen yang adil hanya akan dilindungi jika komen itu berkaitan dengan isu yang menjadi kepentingan awam. Parodi atau sindiran yang menyentuh isu awam, seperti dasar institusi, perilaku tokoh masyarakat atau isu sosial, biasanya dianggap memenuhi syarat ini. Namun begitu, jika parodi tersebut hanya dilakukan untuk memalukan atau menjatuhkan reputasi seseorang tanpa asas kepentingan awam, pembelaan ini mungkin tidak terpakai.

Satu lagi syarat penting ialah ketiadaan niat jahat. Jika parodi atau sindiran hiburan dilakukan dengan niat untuk menjejaskan reputasi seseorang secara tidak adil atau dengan motif peribadi yang tidak jujur, pembelaan komen yang adil akan gagal.

Dalam kes *Henry Wong Jan Fook* lwn. *John Lee & Anor* (1996), mahkamah menegaskan bahawa komen yang adil mesti berdasarkan fakta yang benar dan bebas daripada niat jahat. Dalam kes *S Pakianathan* lwn. *Jenni Ibrahim* (1988) ditekankan bahawa kenyataan separuh benar (*half-truth*) yang memberikan gambaran palsu tidak dilindungi oleh pembelaan ini. Selain itu, Seksyen 9 Akta Fitnah 1957 turut mengiktiraf pembelaan komen yang adil dalam undang-undang Malaysia.

Keistimewaan Bersyarat

Dalam undang-undang fitnah Malaysia, pembelaan keistimewaan bersyarat (qualified privilege) digunakan terhadap kenyataan yang dibuat dalam keadaan apabila penyampai mempunyai kewajipan undang-undang, sosial atau moral, atau kepentingan bersama untuk menyampaikan kenyataan itu, dan penerima pula mempunyai kepentingan atau kewajipan yang sepadan untuk menerimanya (Salleh Buang, 2020). Pembelaan ini melindungi komunikasi sedemikian walaupun kenyataan itu fitnah dan tidak benar, dengan syarat bahawa kenyataan itu dibuat dengan jujur dan tanpa niat jahat. Antara contoh keadaan yang mempunyai hak istimewa bersyarat termasuklah prosiding kehakiman, prosiding parlimen, laporan polis dan komunikasi antara pihak yang mempunyai kepentingan bersama.

Hak istimewa bersyarat ini penting untuk mengimbangi antara perlindungan reputasi dengan kebebasan bersuara dan kepentingan awam. Hak ini berkaitan dengan keadaan atau konteks komunikasi, bukannya kenyataan itu sendiri. Setelah defendan membuktikan bahawa keadaan itu layak untuk mendapatkan hak istimewa bersyarat, beban bukti berpindah kepada plaintif untuk membuktikan bahawa defendan bertindak dengan niat jahat, iaitu membuat kenyataan dengan sengaja atau dengan sikap cuai yang merugikan reputasi plaintif.

Dalam konteks fitnah melalui parodi, penerapan hak istimewa bersyarat dapat menjadi rumit. Parodi biasanya mengandungi unsur humor atau sindiran yang mungkin membawa makna fitnah terhadap subjek. Sekiranya parodi dibuat dalam keadaan yang mempunyai hak istimewa bersyarat, pembelaan ini boleh dilaksanakan. Namun begitu, jika dibuktikan adanya niat jahat, seperti niat sengaja untuk menjejaskan orang berkenaan bukan untuk memenuhi kewajipan atau kepentingan, pembelaan ini akan gagal.

Mahkamah Malaysia menekankan bahawa hak istimewa bersyarat memerlukan kepentingan atau kewajipan perkongsian antara penyampai dengan penerima. Tanpa perkara ini, pembelaan tidak terpakai. Selain itu, apa-apa penerbitan yang dilakukan dengan niat jahat tidak mendapat perlindungan walaupun berada di bawah hak istimewa tersebut. Isu ini pernah dibuktikan dalam kes apabila kenyataan yang selektif atau separuh benar mencipta gambaran palsu dan didapati mempunyai niat jahat, sekali gus menolak hak istimewa bersyarat (kes *Dato' Dr Low Bin Tick*, 2017).

Kesimpulannya, hak keistimewaan bersyarat di bawah undang-undang Malaysia memberikan pembelaan bersyarat terhadap tuntutan fitnah,

melindungi komunikasi tertentu yang dibuat tanpa niat jahat dalam konteks kewajipan atau kepentingan bersama, termasuklah kemungkinan beberapa bentuk parodi dalam konteks yang terpelihara tersebut. Keseimbangan ini memastikan kebebasan bersuara bersyarat, termasuklah dalam bentuk kritikan atau satira, seperti parodi, dilindungi dalam konteks yang sesuai, tetapi tidak menjadi pelindung bagi kenyataan berniat jahat yang merugikan reputasi.

Kes *Dato' Dr Low Bin Tick lwn. Datuk Chong Tho Chin* (2017) ialah kes penting apabila Mahkamah Persekutuan membincangkan elemen pembelaan hak istimewa bersyarat dalam tuntutan fitnah. Fakta utama kes ini ialah Dato' Dr. Low Bin Tick, Presiden Persatuan Olahraga Chinwoo Selangor dan Kuala Lumpur, menghantar surat aduan kepada beberapa badan, seperti Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bahagian Jenayah Komersil (CCID) dan Bar Council (BC), berkenaan dakwaan salah laku terhadap Datuk Chong Tho Chin, bekas Presiden Chinwoo dan peguam yang terlibat dalam persatuan itu.

Bagi kes ini, Mahkamah Persekutuan memutuskan beberapa perkara penting. Pertama, surat aduan yang dihantar kepada ROS, SPRM dan CCID ialah "*occasions of absolute privilege*" kerana badan ini mempunyai kuasa penyiasatan dan kuasa mengambil tindakan di bawah undang-undang seakan-akan laporan polis yang dilindungi oleh hak istimewa mutlak. Kedua, niat jahat jika dibuktikan, seperti menggunakan komunikasi tersebut untuk tujuan tidak betul, akan menggugurkan pembelaan hak istimewa. Ketiga, perlunya kebenaran atau mandat untuk menggunakan pembelaan hak istimewa mutlak atau terhad. Oleh itu, kes ini memperkukuh prinsip bahawa komunikasi dalam konteks tertentu yang mempunyai kepentingan bersama dapat dilindungi di bawah pembelaan hak istimewa, tetapi pembelaan ini mungkin gagal jika wujud niat jahat.

Indonesia

Bagi menangani isu fitnah dalam media sosial atau fitnah digital, Indonesia memperuntukkan undang-undang khusus yang mengawal selia perkara tersebut. Undang-undang Nomor 11 Tahun 2008 tentang Informasi dan Transaksi Elektronik (UUITE) digubal melalui Undang-undang Nomor 1 Tahun 2024. Dalam undang-undang terbaharu ini, Pasal 27 memperuntukkan bahawa setiap orang yang dengan sengaja menyiarkan, mengedarkan, mentransmisikan atau memberikan capaian terhadap maklumat elektronik

yang melanggar kesusilaan dianggap sebagai melakukan kesalahan (UU Nomor 1 Tahun 2024, Pasal 27).

Menurut Eka Nugraha Putra (2022), istilah “mentransmisikan” dalam konteks ini bermaksud penyebaran sesuatu perkara daripada seseorang kepada orang ramai. Lebih khusus, Pasal 27A menetapkan bahawa tindakan menyerang kehormatan atau nama baik orang lain melalui maklumat elektronik dengan niat supaya diketahui umum merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman penjara hingga dua tahun dan denda maksimum 400 juta rupiah (Eka Nugraha Putra, 2022; UU Nomor 1 Tahun 2024, Pasal 27A).

Keberadaan undang-undang ini penting bagi mengawal jenayah siber yang makin berkembang selari dengan peningkatan pengguna media sosial di Indonesia. Pasal 45 UUIE pula memperincikan hukuman bagi pelaku jenayah siber, termasuklah fitnah melalui media sosial, dengan tempoh penjara maksimum dua tahun atau denda, atau kedua-duanya sekali. Walaupun begitu, undang-undang ini masih dikritik, terutamanya kerana frasa, seperti “menyerang kehormatan” dan “nama baik”, dianggap kabur dan dapat ditafsirkan sebagai suatu yang subjektif oleh pihak berkuasa atau mahkamah (UU Nomor 1 Tahun 2024).

Selain itu, terdapat kekurangan perlindungan terhadap kandungan parodi atau satira yang menyebabkan video atau bahan penyindir yang tidak berniat fitnah mudah dianggap sebagai melanggar undang-undang ini. Beberapa kes yang membabitkan aktivis dan pengkritik awam, seperti kes Saiful Mahdi, dan kes Haris Azhar dan Fatia Maulidiyanti mencetuskan kebimbangan mengenai penyalahgunaan undang-undang ini terhadap kebebasan bersuara dan hak asasi manusia (Eka Nugraha Putra, 2022).

Tambahan pula, walaupun terdapat garis panduan pelaksanaan melalui Surat Keputusan Bersama (SKB) oleh kementerian dan badan kehakiman, garis panduan ini tidak mempunyai kekuatan undang-undang yang bersifat mengikat. Oleh itu, aplikasi undang-undang fitnah digital di Indonesia masih berisiko disalahgunakan, terutamanya dalam konteks politik dan isu sensitif (UU Nomor 1 Tahun 2024).

United Kingdom

Di United Kingdom, fitnah diatur secara khusus menerusi Defamation Act 1996 dan Defamation bagi melindungi reputasi dan kebebasan bersuara. Defamation Act 2013 memperkenalkan syarat bahawa sesuatu kenyataan hanya dianggap fitnah jika penerbitannya menyebabkan kemudaratan serius terhadap reputasi seseorang, manakala entiti perniagaan pula perlu membuktikan kerugian kewangan yang ketara akibat kenyataan tersebut

(Seksyen 1). Prinsip ini penting untuk mengelakkan litigasi terhadap kenyataan yang dianggap remeh atau trivial, sekali gus mengimbangi antara kebebasan bersuara dengan perlindungan reputasi (Khairun-Nisaa Arisa & Nazli, 2015; Nazli Ismail, 2012).

Selain itu, akta ini memperkenalkan “single publication rule” yang menentukan bahawa tempoh untuk memulakan tindakan undang-undang bermula dari tarikh penerbitan pertama kenyataan fitnah dan terhad pada satu tahun sahaja (Defamation Act 2013, Seksyen 8). Hal ini amat relevan dengan kandungan digital, seperti video parodi, yang dapat dicapai berulang kali melalui internet. Namun begitu, peraturan ini tidak digunakan untuk penerbitan yang berterusan dengan kandungan berbeza atau bagi pengulangan kenyataan oleh pihak ketiga yang dianggap penerbitan baharu di bawah undang-undang common law (Akdeniz et al., 2000).

Selain itu, Seksyen 10(1) Defamation Act 2013 memberikan perlindungan kepada penyedia perkhidmatan internet (ISP) dan pentadbir platform dengan mengecualikannya daripada liabiliti fitnah melainkan mahkamah memutuskan bahawa tindakan undang-undang harus diteruskan. Dalam kes *Bunt lwn. Tilley* (2006), mahkamah menegaskan bahawa ISP yang hanya berperanan pasif dalam penyiaran tidak dianggap penerbit. Keputusan ini diperkuat oleh kes *Tamiz lwn. Google Inc* (2013) apabila platform digital hanya boleh dipertanggungjawabkan jika mempunyai pengetahuan sebenar tentang kandungan fitnah dan gagal mengambil tindakan sewajarnya selepas diberitahu.

Semua ini menunjukkan bahawa kandungan digital di United Kingdom, seperti video YouTube, blog, podcast dan media sosial, dianggap sebagai penerbitan tetap dan tertakluk pada undang-undang libel, bukan slander. Hal ini bermakna bahawa setiap penerbitan kandungan digital berpotensi untuk menimbulkan tuntutan fitnah jika menyebabkan kemudaratan serius terhadap reputasi (Defamation Act 2013; Khairun-Nisaa Arisa & Nazli Ismail, 2015).

Perbandingan antara Malaysia, Indonesia dan United Kingdom

Secara perbandingan, ketiga-tiga negara, iaitu Malaysia, Indonesia dan United Kingdom menunjukkan perbezaan ketara dalam definisi fitnah digital, elemen pembuktian, perlindungan terhadap penerbit dan kebolehlaksanaan tuntutan fitnah. Di Malaysia, walaupun Akta Fitnah 1957 masih digunakan sebagai undang-undang utama, tiada peruntukan khusus untuk kandungan digital sehingga kini. Namun begitu, terdapat usaha untuk memperkukuh rangka perundangan dengan pindaan dan perundangan baharu, seperti

Akta Keselamatan dalam Talian 2024 dan peraturan baharu, yang berkaitan dengan tanggungjawab platform digital yang masih belum berkuat kuasa setakat tahun 2025.

Sebaliknya, Indonesia telah meluluskan undang-undang khas untuk menangani fitnah dalam konteks komunikasi elektronik melalui Undang-undang Informasi dan Transaksi Elektronik (UUITE) yang dikemas kini pada tahun 2024. Undang-undang ini menetapkan tafsiran fitnah digital dan menyediakan hukuman yang tegas, namun masih dibayangi isu tafsiran kabur, seperti definisi “menyerang kehormatan” yang dapat disalah guna untuk menyekat kebebasan bersuara (Eka Nugraha Putra, 2022; UU Nomor 1 Tahun 2024).

United Kingdom pula menunjukkan kemajuan yang lebih jelas melalui reformasi Defamation Act 2013 yang memperkenalkan syarat “*serious harm*” untuk membuktikan kemudaratan reputasi, membatasi liabiliti dengan “*single publication rule*” yang mengehadkan tempoh tindakan undang-undang kepada satu tahun dari tarikh penerbitan pertama, serta memberikan perlindungan kukuh kepada penyedia platform digital daripada liabiliti melainkan mempunyai pengetahuan sebenar terhadap kandungan fitnah (Defamation Act 2013; Khairun-Nisaa Arisa & Nazli Ismail, 2015). Dalam kes, seperti *Bunt lwn. Tilley* (2006) dan *Tamiz lwn. Google Inc* (2013), dijelaskan bahawa penyedia perkhidmatan internet lazimnya dilindungi daripada liabiliti kerana dianggap sebagai pihak pasif yang tidak berperanan aktif dalam penerbitan kandungan berunsur fitnah.

Cadangan Penambahbaikan

Menerusi dapatan kajian ini, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang dapat dipertimbangkan bagi memperbaharu undang-undang sedia ada untuk menangani isu fitnah digital, khususnya melalui video parodi. Cadangan ini bertujuan untuk memastikan kerangka perundangan lebih relevan dengan perkembangan teknologi dan mampu melindungi kepentingan masyarakat tanpa menjejaskan kebebasan bersuara.

Pertama, penggubalan semula Akta Fitnah 1957. Akta ini masih memfokuskan bentuk fitnah tradisional dan tidak menjelaskan fitnah digital secara khusus. Oleh itu, satu seksyen tambahan wajar digubal untuk mentafsirkan konsep fitnah digital, termasuklah definisi parodi dan satira, serta had penggunaannya dengan jelasnya. Tambahan peruntukan ini dapat meningkatkan kesedaran pengguna media sosial agar lebih berhati-hati ketika menghasilkan kandungan hiburan di internet.

Bagi memperkukuh cadangan ini, penggubalan semula Akta Fitnah 1957 boleh mengambil kira pendekatan analisis dua peringkat seperti yang dicadangkan oleh King (2008). Pendekatan ini membolehkan mahkamah menentukan, sama ada parodi hanya berbentuk hiburan atau mengandungi mesej tersirat yang bersifat memfitnah.

Selain itu, Malaysia boleh meneladani undang-undang luar. Undang-undang ITE Indonesia dapat dijadikan rujukan kerana undang-undang tersebut lebih awal mengklasifikasikan kesalahan fitnah digital dalam konteks media sosial apabila memberikan penekanan terhadap hak dan kewajiban pengguna internet. Defamation Act 2013 United Kingdom pula dapat dijadikan contoh dalam aspek penggarisan tahap kemudaratan yang dialami akibat sesuatu kenyataan fitnah. Malaysia juga wajar mempertimbangkan penerapan prinsip *single publication rule* bagi menghadkan liabiliti penerbitan digital yang berulang. Prinsip ini memastikan bahawa hanya penerbit sebenar yang bertanggungjawab, sekali gus mengelakkan kesukaran dalam mengenalpasti pihak yang menerbitkan semula kandungan.

Kedua, pindaan terhadap Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 perlu dilaksanakan. Pada masa ini, seksyen tersebut terlalu umum dan terbuka pada pelbagai tafsiran, khususnya istilah, seperti “menyakitkan hati” atau “menjijikkan”. Pindaan ini harus memperjelas maksud sebenar “kandungan menyakitkan hati” dengan klasifikasi yang lebih terperinci sebagaimana yang dilakukan dalam UUIE. Peruntukan ini juga perlu membezakan dengan jelasnya antara kritikan sosial yang sah, contohnya parodi atau satira terhadap dasar kerajaan atau tokoh awam dengan fitnah peribadi yang menjatuhkan reputasi seseorang.

Seterusnya, pindaan ini perlu memasukkan elemen niat (*mens rea*) dan kesan sebenar terhadap reputasi sebagai asas penentuan kesalahan. Hanya kandungan yang dibuat dengan niat jahat untuk mencemarkan nama baik atau yang terbukti memberikan kesan buruk terhadap reputasi wajar dianggap sebagai fitnah, manakala kenyataan yang sekadar menyinggung tanpa niat jahat seharusnya tidak menimbulkan liabiliti jenayah. Pendekatan ini akan memberikan keseimbangan antara perlindungan reputasi individu dengan hak kebebasan bersuara dalam ruang digital.

KESIMPULAN

Pada era digital yang berkembang pesat, penyebaran maklumat tidak lagi terbatas melalui medium tradisional, sebaliknya turut merangkumi

pelbagai bentuk kandungan kreatif, seperti video parodi. Walaupun parodi sering dilihat sebagai hiburan atau ekspresi seni, parodi juga berpotensi untuk menjadi medium penyebaran fitnah yang menjejaskan reputasi dan maruah individu, khususnya apabila kandungan tersebut menyampaikan kenyataan secara langsung atau tersirat yang difahami oleh khalayak sebagai fakta. Parodi lazimnya dibuat untuk meniru orang terkenal, seperti artis dan ahli politik. Orang ini lazimnya menjadi objek yang dipersendakan atau menjadi bahan gurauan dalam bentuk satira. Mahkamah menyatakan bahawa perkara seperti ini tidak dapat dielakkan daripada berlaku, tetapi jika parodi berkenaan melampaui batas sehingga menyebabkan fitnah, pihak yang menjadi mangsa berhak untuk membuat tuntutan di mahkamah. Walaupun menjadi tunjang hak asasi manusia, kebebasan bersuara ada batasannya. Kebebasan bersuara tidak boleh dibenarkan sehingga menjatuhkan maruah dan nama baik seseorang.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pengurusan Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penghasilan makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

SUMBANGAN PENULIS

Nik Amalin A'yuni Mohd Fauzi: Menulis draf makalah; Kamal Halili Hassan: Menulis dan membaiki keseluruhan artikel ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Ahmad Masum, & Md Rejab Md Desa. (2014). Media and the libel law: The Malaysian experience. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 155, 34–41.
- Ahmad Shamsul Abd Aziz, Rusniah Ahmad, & Nazura Abdul Manap. (2014). Urusan yang wajar sebagai suatu dalihan dalam permasalahan hak cipta dan kebebasan bersuara. *1 Legal Network Series (A)*, 1–23.
- Ainun Najib, Umar Umar, Abim Bhakti, Prika Fatikasari, & Aminah Kauthar Zawawi. (2024). Regulation on freedom of expression on social media in Indonesia and Malaysia. *Journal of Indonesian Constitutional Law*, 1(1), 46–60. <https://doi.org/10.71239/jicl.v1i1.20>
- Akdeniz, Y., Walker, C., & Wall, D. (2000). *The Internet, law and society*. Longman.
- Azian Muhammad Adzmi, & Norliza Saiful Bahry. (2020). Social media participation: Empirical study among adults in Klang Valley (Malaysia). Dlm. Dr. Christos Karpasitis & Christiana Varda (Pyntg.), *Proceedings of the 7th European Conference on Social Media, ECSM 2020* (hlm. 1–10). Academic Conferences and Publishing International Limited Reading (ACPIL), UK. <https://doi.org/10.34190/ESM.20.014>
- Barendt, E. (2009). Freedom of expression in the United Kingdom under the Human Rights Act 1998. *Indiana Law Journal*, 84(3), 851–866.
- Barendt, E. (2007). *Freedom of speech* (ed. ke-2). Oxford University Press.
- Batza, C. (2016). Trending now: The role of defamation law in remedying harm from social media backlash. *Pepperdine Law Review*, 44, 429.
- Reputasi Ellie musnah, dituduh penagih dadah. (2025, 20 Februari). *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/celebriti/2025/02/1363778/>
- Bhat, P. I. (2015). Comparative method of legal research: Nature, process, and potentiality. *Journal of the Indian Law Institute*, 57(2), 147–173. <https://www.jstor.org/stable/44782499>
- Borger, J. P, Brackman, R., Ellinghoe, D. A., Howard, A. P., Jorstad, E. E., Scoville, A. L., Stapleton, L. L., & Stenbridge, P. R. (2004). Recent developments in media, privacy, and defamation law. *Tort Trial & Insurance Practice Law Journal*, 39(2), 557–596.
- Bunt lwn. Tilley & Others* [2006] EWHC 407.
- Dato' Dr Low Bin Tick lwn. Datuk Chong Tho Chin* [2017] 5 MLJ 413.
- David Syme lwn. Canavan* [1918] 25 CLR 234.
- Eka Nugraha Putra. (2022). *Criminal defamation and freedom of speech in the Internet age: A study for Indonesian democratic values* [Maurer Theses and Dissertations, Indiana University of Bloomington]. <https://www.repository.law.indiana.edu/etd/113/>
- EI Hana, N., & Sabri, O. (2021). Expressing one's opinions freely on politicians using parodies: Effect of the sources of political parodies (user- vs. media-

- generated parodies). *Psychology & Marketing*, 38(10), 1670–1685. <https://doi.org/10.1002/mar.21484>
- Elton John lwn. *Guardian News & Media Ltd* [2008] EWHC 3066.
- Feldman, D. (2002). *Civil liberties and human rights in England and Wales* (ed. ke-2). Oxford University Press.
- Henry Wong Jan Fook lwn. *John Lee & Anor* [1996] 1 MLJ 231.
- Houlton & Co lwn. *Jones* [1910] AC 20.
- Hutcheon, L. (2000). *A theory of parody: The teachings of twentieth-century art forms*. University of Illinois Press.
- Kenyon, A. (1996). Defamation, artistic criticism and fair comment. *Sydney Law Review*, 18, 193–215.
- Imaduddin Suhaimi. (2021). Media arbitration schemes: Addressing the backlog of defamation cases in Malaysia. *Asian Journal of Comparative Law*, 16(1), 1–22. <https://doi.org/10.1017/asjcl.2021.11>
- Khairul Anuar Abdul Hadi, Ikmal Hisham Md Tah, & Ahmad Zainuddin Hassan. (2021). Kebebasan akademik di dalam roh perlembagaan persekutuan. *GADING (Online) Journal for Social Sciences, Special Issue KONAKA (Bahasa Melayu)*, 24(3), 7–12. <https://doi.org/10.24191/gading.v24i02.280>
- Khairun-Nisaa Asari, & Nazli Ismail Nawang. (2015). A comparative legal analysis of online defamation in Malaysia, Singapore and the United Kingdom. *International Journal of Cyber-Security and Digital Forensics*, 4(1), 314–326.
- King, J. H. (2008). Defamation claims based on parody and other fanciful communications not intended to be understood as fact. *Utah Law Review*, 3(4), 875–946.
- Levinson, L. (2017). Adapting fair use to reflect social media norms: A Joint proposal. *UCLA Law Review*, 64, 1040–1078.
- Lux, E. (2021). Twitter, parody, and the first amendment: A contextual approach to twitter parody defamation. *Loyola of Los Angeles Entertainment Law Review*, 41(1), 1–38.
- Luypaers, M. (2024). If parody does not prickle it does not work: Reflections on the interpretive challenges of dark parody in the Dutch and South African Courts, *Open Library of Humanities*, 10(2), 1–21. <https://doi.org/10.16995/olh.16695>
- Macmillan, F. (2020). Speaking truth to power: Copyright and the control of speech. Dlm. O. Pollichino, G. M Riccio & Basini, M. (Pnyt.), *Copyright and fundamental rights in the digital age* (hlm. 6–27). Elgar Online. <https://doi.org/10.4337/9781788113885>
- McAlpine lwn. *Bercow* [2013] EWHC 1342.
- Menghini, J. (2024). *The digital evolution of parody: The purpose of online parody in copyright law and freedom of expression* [Disertasi, Università di Bologna]. <https://doi.org/10.48676/unibo/amsdottorato/11180>.

- Mohamed Apandi Ali lwn. *Lim Kit Siang* [2022] 5 *MLRH* 611.
- Mohamed Azwan Haji Ali lwn. *Sistem Televisyen (M) Bhd & Ors* [2000] 7 *CLJ* 498.
- Naslund, J. A., Bondre, A., Torous, J., & Aschbrenner, K. A. (2020). Social media and mental health: Benefits, risks, and opportunities for research and practice. *J Technol Behav Sci*, 5(3), 245–257. <https://doi.org/10.1007/s41347-020-00134-x>
- Nazli Ismail @ Nawang. (2012). Bloggers as amateur journalists and their position under the regulatory system of the press in the UK. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat (JUUM)*, 16, 79–82.
- Ozsungur, F. (2024). Doctrinal research method in law. SSRN: <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.5259219>
- Perian, S. (2025). The law of defamation in Malaysia: Essential elements, defences, and remedies. *Current Law Journal*, (A)I, 1–13.
- Prayitno, K. P., & Bawono, I. R. (2023). Cyber defamation through the media: Comparative study of Indonesia, South Korea and Malaysia. *International Journal of Cyber Criminology*, 17(2), 147–165.
- Reputasi Ellie musnah, dituduh penagih dadah. (2025, 20 Februari). *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2025/02/1363778/>
- Roodra, H. (2023). The impact of social media on defamation laws: A study on the implications of social media platforms on defamation laws and the need for reform. *Indian Journal of Law & Legal Research*, 5(2), 1.
- S Pakianathan lwn. Jenni Ibrahim [1988] 2 *MLJ* 173.
- Salleh Buang. (2020). *Defamation law: A primer*. Sweet & Maxwell.
- Sarmiento, G. M. (2020). Parody: thoughts and proposals for its interpretation in Colombia. *Revista la Propiedad Inmaterial*, 29, 215–240.
- Scardino, D. (2002). Liberty and Defamation. *Communications Lawyer*, 20(3), 3–5.
- Sinha, N., & Jagawanshi, P. (2020). The stance of parody under copyright law. *International Journal of Law Management & Humanities*, 3(2), 50–63.
- Tahir Hamzah. (2025, 21 Julai). SHOWBIZ: Ellie Suriaty rejects Imran Bard's apology video. *The New Straits Times*. www.nstp.com.my
- Tamiz lwn. *Google Inc* [2013] *EWCA Civ* 68.
- Todd, J. (2016). Satire in defamation law: Toward a critical understanding. *Review of Litigation*, 35, 45–69.
- Ujhelyi, D. (2022). Political parody in Hungarian copyright law. *Medias Res - A Journal on Press Freedom and the Rules of the Public Sphere*, 1, 49–65. <https://doi.org/10.59851/imr.11.1.4>
- Warren lwn. *Green* [1958] *DLR* 255.
- Weir, T. (2006). *Tort Law* (ed. ke-2). Oxford University Press.
- Willows lwn. *Williams* [1951] 2 *WWR* (NS) 657.
- Wong Yoke Kong & Ors lwn. *Azmi M Anshar & Ors* [2003] 6 *CLJ* 55.